




MANGSA yang meninggal dunia diterbangkan dengan pesawat AW 189 Petronas di Lapangan Terbang Miri.



PETA lokasi kejadian kapal Dayang Topaz (gambar kecil) yang berlanggar dengan pelantar minyak di perairan Kuala Baram, Miri semalam.

Kapal Dayang Topaz berlanggar platform pelantar minyak

## Dua maut, 185 kru terselamat

Oleh AHMAD MUSTAKIM ZULKIFLI

**PETALING JAYA** – Dua maut, manakala 185 lagi kru terselamat selepas sebuah kapal penyelenggaraan, Dayang Topaz terlibat dalam kemalangan kira-kira 14 kilometer dari perairan Kuala Baram di Miri, Sarawak semalam.

Dalam kejadian itu, dua mangsa dilaporkan cedera dan menerima rawatan di Hospital Miri.

Pusat Penyelaras Mencari dan Menyelamat Maritim (MRCC) Putrajaya menerima aduan daripada kapal Sapura Construction pukul 6.45 pagi.

Ketua Pengarah Maritim Malaysia (APMM), Laksamana Maritim Datuk Mohd. Zubil Mat Som berkata, kapal tersebut menerima isyarat kecemasan daripada kapal Dayang Topaz pada kedudukan 14 kilometer dari Kuala Baram.

"Kapal Sapura Construction bergerak untuk mengesan kedudukan sebenar Dayang Topaz yang dilaporkan mulai karam.

"Seramai 62 kru masih berada di atas kapal, manakala 125 kru lagi bertindak terjun ke laut," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurut Mohd. Zubil, asset-asset bantuan melibatkan tiga kapal dan sebuah bot APMM bersama tujuh kapal dan bot milik Petronas dan Shell digerakkan untuk operasi menyelamat.

Kesemua mangsa terdiri daripada 185 warga tempatan dan dua warga Indonesia berusia 21 hingga 63 tahun.

Jelas beliau, daripada 125 kru yang terjun ke laut, seramai 121 orang berjaya diselamatkan namun seorang meninggal dunia.

"Empat lagi yang hilang kemudiannya ditemui dalam keadaan selamat," katanya.

Mangsa-mangsa yang diselamatkan dibawa ke Miri oleh kapal-kapal yang terlibat dengan operasi menyelamat, manakala



SEBAHAGIAN mangsa bertindak terjun ke laut selepas kapal terlibat melanggar pelantar minyak.



PETUGAS keselamatan menurunkan kru yang cedera untuk mendapatkan rawatan di Pelabuhan Miri.

dua mangsa yang cedera dihantar ke Hospital Miri.

Mohd. Zubil memberitahu, MRCC Putrajaya mengesahkan insiden yang berlaku itu berpunca daripada salah satu kabel sauh yang terputus ekoran cuaca buruk menyebabkan kapal hanyut dan melanggar platform pelantar minyak Baram B.

Keadaan tersebut menyebabkan kapal berkenaan hanyut dan melanggar platform pelantar minyak Baram B.

Sementara itu, APMM dalam satu kenyataan memberitahu, dua mangsa yang meninggal dunia diterbangkan dengan Pe-

sawat AW 189 Petronas dan mendarat di Lapangan Terbang Miri pada pukul 5.40 petang.

Kedua-dua mangsa yang maut merupakan rakyat tempatan dan diserahkan kepada polis sebesar sauh yang dibawa ke hospital.

Seramai 173 kru yang selamat tiba di jeti Pelabuhan Miri manakala 12 lagi masih berada di atas kapal bagi memastikan keselamatan kapal. Kapal tersebut tidak tenggelam.

"Kesemua mangsa menjalani ujian saringan Covid-19 dan akan ditempatkan sementara di se-

buah fasiliti penginapan bagi tujuan kuarantin," katanya.

Menurut kenyataan itu, operasi mencari dan menyelamat akan ditamatkan setelah semua mangsa dikenal pasti dalam masa terdekat.

Operasi mencari di laut melibatkan sebuah bot dan dua kapal milik APMM, 13 buah kapal Petronas dan Shell serta empat buah pesawat udara daripada Petronas, Tentera Udara Diraja Malaysia, bomba dan Brunei Shell Petroleum melibatkan seramai 300 orang.

### Kronologi kejadian kemalangan Dayang Topaz

#### • 6.45 pagi

- MRCC Putrajaya terima panggilan kecemasan daripada Sapura Construction.
- MRCC aktifkan operasi mencari dan menyelamat.

#### • 9.47 pagi

- Ketua Pengarah APMM mengesahkan kejadian.
- Seramai 125 kru telah terjun ke laut, manakala 62 lagi masih berada atas kapal.

#### • 9.58 pagi

- Pihak berkuasa memaklumkan seramai 124 mangsa telah diselamatkan.
- Seramai 62 lagi kru selamat berada atas kapal
- Seorang mangsa ditemui meninggal dunia.

#### • 10.36 pagi

- APMM mengesahkan kejadian berpunca daripada salah satu kabel sauh terputus ekoran cuaca buruk menyebabkan kapal hanyut dan melanggar platform pelantar minyak Baram B

#### • 11.25 pagi

- Pihak berkuasa mengesahkan jumlah mangsa yang terlibat dalam kejadian itu seramai 187 orang.
- Empat mangsa yang hilang telah ditemui.
- Seramai 62 masih kekal berada di atas kapal

#### • 2.18 tengah hari

- Kesemua mangsa yang selamat dalam perjalanan ke Miri
- Dua mangsa yang cedera diterbangkan dengan pesawat Petronas ke Hospital Miri

#### • 12.34 tengah hari

- Kapal pertama membawa mangsa tiba di Pelabuhan Miri
- Kru yang cedera diberi bantuan

#### • 3.50 petang

- Operasi menyelamat masih diteruskan di laut

#### • 5.40 petang

- Dua mangsa yang meninggal dunia diterbangkan dengan pesawat AW 189 Petronas selamat mendarat di Lapangan Terbang Miri
- Mangsa yang selamat menjalani ujian saringan Covid-19 dan ditempatkan di fasiliti penginapan untuk kuarantin
- Operasi akan ditamatkan selepas semua mangsa dikenal pasti